

- 1 Kesultanan Melayu Melaka telah berjaya meluaskan pengaruh ke kerajaan berikut.

- Pahang
- Inderagiri
- Kuala Linggi

Bagaimanakah Kesultanan Melayu Melaka memperoleh kerajaan tersebut?

- A Pertuanan
 - B Peperangan
 - C Perkahwinan
 - D Persahabatan
- 2 Maklumat berikut berkaitan dengan peranan rakyat dalam Kesultanan Melayu Melaka.

Rakyat sanggup mematuhi segala arahan pemerintah Kesultanan Melayu Melaka

Apakah faktor yang mendorong tindakan tersebut?

- A Takut ditimpa tulah
 - B Peroleh perlindungan
 - C Jaminan keselamatan
 - D Dijatuhi hukuman penjara
- 3 Tokoh berikut terlibat dalam Revolusi Amerika pada tahun 1775.



Thomas Jefferson

Apakah sumbangan tokoh tersebut?

- A Menggulingkan raja berkuasa mutlak
- B Menulis Perisytiharan Kemerdekaan Amerika
- C Membuat kempen kesedaran nasionalisme
- D Memperjuangkan prinsip raja berperlembagaan

- 4 Perjuangan Sultan Abdullah Mukarrum Shah di Kedah merupakan perjuangan terawal di Kedah.

Apakah bukti untuk menyokong perjuangan tersebut?

- I Mendapatkan kembali Pulau Pinang
 - II Melancarkan serangan terhadap Siam
 - III Menamatkan penghantaran bunga emas
 - IV Menentang Syarikat Hindia Timur Inggeris
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 5 Maklumat berikut berkaitan dengan persidangan damai yang diadakan selepas tamat Perang Dunia Pertama.

Tarikh	18 Januari 1919
Perjanjian	Persidangan Damai Paris
Matlamat	Memastikan Jerman tidak lagi menjadi ancaman dunia

Mengapakah perjanjian tersebut tertumpu kepada Jerman?

- A Memulihkan sistem pentadbiran
 - B Menamatkan krisis di Balkan
 - C Mengelak persaingan kuasa
 - D Menjamin keamanan di Eropah
- 6 Bagaimanakah Gurchan Singh melakukan penentangan terhadap pendudukan Jepun?
- A Mengedarkan risalah
 - B Membina kubu
 - C Menyertai tentera British
 - D Menubuhkan pasukan perisik

- 7 Berikut adalah hasrat British di Tanah Melayu selepas Perang Dunia Kedua.

- Meningkatkan pelaburan ekonomi
- Melicinkan sistem pentadbiran

Mengapakah tindakan tersebut dilakukan?

- A Memperkenalkan Malayan Union
 - B Melaksanakan dasar dekolonisasi
 - C Membubarkan Negeri-Negeri Selat
 - D Menghapuskan institusi kesultanan
- 8 Mengapakah Charles Vyner Brooke bertindak menyerahkan Sarawak kepada kerajaan British?
- A Menangani ancaman lanun
 - B Memenuhi keperluan ekonomi
 - C Melindungi penduduk tempatan
 - D Menghadapi masalah kewangan
- 9 British telah menubuhkan Jawatankuasa Kerja pada 25 Julai 1946. Apakah cadangan yang dikemukakan jawatankuasa tersebut?
- A Menyatukan Tanah Melayu dengan Singapura
 - B Menubuhkan kerajaan pusat yang kuat
 - C Mempercepatkan kemerdekaan negara
 - D Memperketatkan syarat kewarganegaraan
- 10 Maklumat berikut berkaitan dengan ciri Persekutuan Tanah Melayu 1948.

Mereka yang dilahirkan dalam PTM dan bermastautin selama 15 tahun daripada tempoh 20 tahun daripada hari permohonannya

Apakah kesan daripada ciri tersebut?

- A Memakmurkan ekonomi
- B Membuka ruang kewarganegaraan
- C Menyeimbangkan kaum
- D Mengukuhkan pertahanan

- 11 Senarai berikut menunjukkan tindakan komunis di Tanah Melayu

Tahun	Peristiwa
1948	Membakar balai polis
1949	Menyerang jip tentera
1954	Membunuh Ketua Polis Kedah

Mengapakah kekejaman tersebut berlaku?

- A Mengancam anggota keselamatan
 - B Menentang perintah darurat
 - C Menunjukkan ketidakupayaan kerajaan
 - D Meningkatkan semangat nasionalisme
- 12 Berikut merupakan peranan pasukan keselamatan semasa zaman darurat

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none">• Memburu komunis• Membawa bekalan makanan |
|---|

Maklumat tersebut merujuk kepada?

- A Senoi Praaq
 - B Askar Wataniah
 - C Polis Hutan
 - D Cawangan Khas
- 13 Antara berikut yang manakah menerangkan kepentingan Sistem Ahli?
- I Mengurangkan kuasa penjajah
 - II Menyelaras sistem pentadbiran
 - III Memulakan proses perpaduan kaum
 - IV Melatih penduduk tempatan dalam pentadbiran
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 14 Senarai berikut menunjukkan dasar pendidikan yang digubal di Tanah Melayu.

- Dua jenis sekolah rendah.
- Menggunakan bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu sebagai pengantar.
- Pengajaran Bahasa Cina dan Bahasa Tamil disediakan jika ada permintaan.

Senarai tersebut merujuk kepada?

- A Penyata Razak 1956
 - B Laporan Barnes 1951
 - C Laporan Fenn-Wu 1951
 - D Ordinan Pelajaran 1952
- 15 Di Sarawak, pilihan raya tempatan pertama diadakan pada tahun 1956. Mengapakah pilihan raya ini diadakan?
- A Menjamin kestabilan politik
 - B Memelihara kedaulatan kaum
 - C Persediaan berkerajaan sendiri
 - D Melincinkan urusan pentadbiran
- 16 Rakyat tempatan berperanan penting dalam pembentukan Majlis Perundangan Persekutuan. Apakah tujuan pembentukan majlis tersebut?
- A Perkongsian kuasa antara negeri yang lain
 - B Perkongsian kuasa antara negeri dan Persekutuan
 - C Perkongsian kuasa antara Tanah Melayu dan Sabah
 - D Perkongsian kuasa antara kaum bagi mencapai kemerdekaan
- 17 Maklumat berikut berkaitan dengan Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu.

Pada 8 Mac 1956, kerajaan British telah mengumumkan Suruhanjaya Reid setelah mendapat persetujuan Majlis Raja-raja Melayu.

Apakah fungsi Suruhanjaya Reid?

- A Melaksanakan pilihan raya
- B Merangka perlembagaan merdeka
- C Merundingkan kemerdekaan
- D Menetapkan sempadan negeri

- 18 Maklumat berikut berkaitan dengan reaksi Parti PAS terhadap draf perlembagaan.

Parti PAS mengkritik soal kewarganegaraan jus soli

Apakah alasan parti PAS?

- A Mengancam kedudukan Islam
 - B Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan terjejas
 - C Bilangan bangsa Melayu berkurangan
 - D Tidak menjaga kepentingan orang Melayu
- 19 Gambar menunjukkan antara gaya Tunku Abdul Rahman sepanjang proses peristiwa kemerdekaan negara.



Di manakah peristiwa bersejarah tersebut berlaku?

- A Istana Negara
 - B Bandar Hilir Melaka
 - C Stadium Merdeka
 - D Padang Kelab Selangor
- 20 Peristiwa berikut berlaku pada jam 12 tengah malam tanggal 30 Ogos 1957 bertempat di Padang Kelab Selangor, Kuala Lumpur.

- Bendera Union Jack diturunkan
- Bendera Persekutuan Tanah Melayu di naikkan

Apakah maksud peristiwa tersebut?

- A Kebebasan negara daripada penjajahan
- B Keunggulan identiti negara
- C Peranan bendera kebangsaan
- D Upacara kemuncak pemasyhuran kemerdekaan

21 Apakah maksud kedaulatan sesebuah negara?

- A Bebas menjalankan pemerintahan.
- B Kepesatan aktiviti ekonomi.
- C Mengekalkan kuasa mutlak raja-raja.
- D Kekuasaan penuh Jemaah Menteri.


22 Maklumat berikut berkaitan usaha mempertahankan kedaulatan negara kita.

Kemakmuran ekonomi

Apakah langkah yang perlu diambil oleh rakyat untuk mencapai perkara tersebut?

- A Melaksanakan undang-undang negara.
- B Memastikan agihan sumber kekayaan .
- C Memupuk kerjasama dengan semua kaum.
- D Mewujudkan pentadbiran yang cekap.

23 Gambar berikut ialah buku *The Laws of the federated Malay States*.



Di manakah undang-undang tersebut dilaksanakan?

- A Singapura
- B Selangor
- C Kelantan
- D Kedah



- 24 Pada tahun 1963, Perlembagaan 1957 telah dipinda dengan memasukkan klausa baharu pada bahagian tertentu bagi menyesuaikan dengan keperluan semasa. Apakah perkara yang berkaitan dengan pindaan tersebut?

- I Pemansuhan perkara berkaitan Singapura
- II Pembentukan Mahkamah Tinggi Borneo.
- III Pelantikan jawatan Yang di-Pertua Negeri.
- IV Penyelarasan bidang kuasa antara kerajaan.

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- ? Antara yang berikut, negeri yang manakah merupakan kesinambungan legasi Kesultanan Melayu Melaka?

- I Kelantan
 - II Kedah
 - III Perak
 - IV Pahang
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 26 Kebebasan bersuara rakyat Malaysia dikawal melalui undang-undang berikut.

- Akta Hasutan 1948
 - Akta Mesin Cetak dan

Apakah rasional kawalan undang-undang tersebut dilakukan?

- A Mengelakkan perselisihan faham
- B Memastikan kesejahteraan awam
- C Mengurangkan tekanan dalam negara
- D Mengukuhkan kedudukan pemerintah

- 27 Apakah yang akan berlaku sekiranya timbul percanggahan bagi penggubalan undang-undang dalam Senarai Bersama?
- A Undang - undang akan dimansuhkan
 - B Undang - undang Parlimen dipatuhi
 - C Ditafsir dan dihadapkan ke mahkamah
 - D Dewan Undangan Negeri akan dibubarkan
- 28 Maklumat berikut berkaitan dengan kerjasama Kerajaan Perskutuan dengan Kerajaan Negeri untuk kesejahteraan rakyat.

Kerajaan	Program Pembangunan
Persekutuan	• Rumah Mesra Rakyat • Perbadanan Perumahan 1 Malaysia (PRIMA)
Negeri	• Rumah Selangorku • Rumah Mampu Milik Johor

- Apakah sumbangan program tersebut terhadap golongan pertengahan?
- A Berkemampuan memiliki rumah
 - B Menyelesaikan masalah setingan
 - C Mengatasi masalah pengangguran
 - D Berupaya meningkatkan pendapatan
- 29 Mengapakah penduduk Sabah mempersoalkan cadangan pembentukan Malaysia?
- I Menuduh satu bentuk penjajahan baharu
 - II Tidak dijanjikan kemerdekaan negeri Sabah
 - III Jarak antara kedua-dua wilayah terlalu jauh
 - IV Kurang yakin kesediaan pemimpin tempatan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

30 Apakah faktor Indonesia menamatkan dasar konfrontasi ke atas Malaysia?

- A Peralihan kepimpinan
- B Pendaratan Jepun
- C Campur tangan PBB
- D Laporan Cobbold

31

Operasi Letter Box di Sarawak

Apakah matlamat operasi tersebut?

- A Melaporkan kekejaman komunis
- B Memudahkan komunikasi rakyat
- C Mendapatkan maklumat komunis
- D Mendengar aduan rakyat

32

- Peluang pekerjaan terhad
- Peningkatan pengangguran

Apakah usaha mengatasi isu tersebut dalam Rancangan Malaysia Pertama?

- A Membuka zon perindustrian bebas
- B Melancarkan Rancangan Pembangunan Tanah
- C Menubuhkan pusat vokasional dan teknikal
- D Memperkenalkan Rancangan Pembangunan Bersepadu

33 Pendidikan merupakan saluran terbaik bagi merealisasikan matlamat membina perpaduan kaum dan integrasi nasional.

Bagaimanakah Laporan Rahman Talib dapat mewujudkan perpaduan?

- A Sistem persekolahan aneka jurusan
- B Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar
- C Penegasan kepada pendidikan kerohanian
- D Penekanan terhadap aktiviti kokurikulum

- 34 Rukun Negara dibentuk untuk mendukung cita-cita mencapai beberapa matlamat bagi melahirkan sebuah negara yang rakyatnya hidup bersatu padu.

Apakah matlamat Rukun Negara?

- I Norma Sosial
 - II Nilai Integriti
 - III Negara Bersatu
 - IV Masyarakat Progresif
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 35 Apakah tujuan kerajaan melancarkan Rancangan Buku Hijau pada 20 Disember 1974?
- A Merapatkan jurang ekonomi penduduk luar bandar
 - B Mengusahakan tanah dengan tanaman jangka pendek
 - C Meningkatkan pendapatan dan pengeluaran bahan makanan
 - D Membasmi kemiskinan masyarakat bandar dan luar bandar
- 36 Apakah strategi sosial Dasar Pembangunan Negara (DPN) untuk membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat?
- A Mewujudkan masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera
 - B Membangunkan kawasan perdagangan bebas
 - C Mengenal pasti pasaran eksport baharu
 - D Menyediakan pinjaman tanpa faedah
- 37 Jadual berikut berkaitan dengan perkembangan dasar luar negara kita selepas kemerdekaan.

Tunku Abdul Rahman	Probarat
Tun Abdul Razak Hussein	Berkecuali

Mengapakah pemimpin di atas mengamalkan dasar tersebut?

- A Memupuk hubungan baik dengan luar
- B Mempertahankan kepentingan negara
- C Mempertahankan kedaulatan negara
- D Melindungi kepentingan nasional

- 38 Maklumat berikut berkaitan konvensyen Pertubuhan Bangsa – Bangsa Bersatu (PBB) bagi mengatasi jenayah antarabangsa.

- | |
|---|
| <ul style="list-style-type: none">• Hak Kanak-kanak 1989• Protokol PBB |
|---|

Apakah jenayah yang dibincangkan dalam konvensyen tersebut?

- A Pembunuhan etnik
 - B Pemerdagangan orang
 - C Penyalahgunaan dadah
 - D Penindasan pelarian
- 39 Apakah sumbangan Malaysia kepada Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC)?
- A Membina semangat setia Islam
 - B Memelihara hak asasi Islam
 - C Memperjuangkan kepentingan umat Islam
 - D Mengawal isu nuklear negara Islam
- 40 Deklarasi Langkawi diadakan pada tahun 1989 sempena Mesyuarat Ketua-Ketua negara Komanwel .

Apakah penekanan deklarasi tersebut?

- A Melindungi kelestarian alam sekitar.
- B Meningkatkan kerjasama ekonomi.
- C Mempertahankan warisan budaya
- D Memastikan keamanan dunia

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT